



Dengan Kerjasama  
[COLUMBIA ASIA](#)

# Pusat Bahasa CEFL

## Protokol ‘Kembali Ke Kelas’ Pasca PKP

Garis Panduan Kebersihan dan Keselamatan COVID-19

# COLUMBIA ASIA

## **Kerjasama dengan Columbia Asia Hospital untuk Memerangi COVID-19**

Kami dengan bangganya mengumumkan bahawa kami telah bekerjasama dengan Columbia Asia - perkhidmatan perubatan swasta dengan 13 hospital yang beroperasi di seluruh Malaysia dengan lebih daripada 350 pakar perubatan pemastautin dan sementara - untuk membantu memastikan keselamatan dan kesihatan pelajar dan kakitangan kami semasa tempoh COVID-19 dan seterusnya.

Columbia Asia akan menyokong kami dengan cara berikut:

- a. Sebagai perunding untuk membantu kami membangunkan protokol keselamatan COVID-19 dengan mematuhi Garis Panduan KKM
- b. Melatih guru dan kakitangan pusat kami mengenai standard kesihatan dan kesejahteraan antarabangsa
- c. Mengacarkan webinar untuk ibu bapa dan pelajar mengenai pelbagai topik kesihatan yang berkaitan dengan persekitaran semasa

Kami yakin bahawa dengan perkongsian ini, pusat kami dapat menawarkan persekitaran yang selamat dan sihat untuk anak-anak anda di pusat kami.

---

**Columbia Asia** adalah syarikat kesihatan swasta antarabangsa yang diperbadankan di Malaysia pada tahun 1996. Ia memulakan hospital pertamanya di Sarawak, Malaysia Timur pada tahun 1997. Sekarang, **Columbia Asia** menawarkan lebih 19 kemudahan perubatan (hospital/klinik/kemudahan rawatan lanjutan) di seluruh Asia, dengan 13 hospital di Malaysia.

Peneraju dalam trend penjagaan kesihatan swasta, **Columbia Asia** menawarkan perkhidmatan perubatan yang optimum dan berpatutan melalui hospital dan kliniknya. Dengan kemudahan moden dan doktor dan jururawat yang terlatih, hospital-hospital ini terletak di kawasan perumahan, menjadikan penjagaan kesihatan swasta yang berkualiti lebih mudah diakses dan efisien untuk pesakit. Teknologi perubatan baru mengurangkan tahap rawatan invasif, mengurangkan jangka masa tinggal di hospital. Lebih-lebih lagi, struktur kadar adalah lebih telus dan secara perbandingan lebih rendah daripada model standard untuk penjagaan kesihatan swasta.

Setiap kemudahan perubatan **Columbia Asia** juga menempatkan tidak lebih dari 100 katil setiap hospital. Hospital mungkin lebih kecil jika dibandingkan dengan hospital swasta yang lain tetapi konsep di sebalik kesederhanaannya membawa ke arah trend penjagaan kesihatan pada masa depan - cekap, mudah diakses dan menjimatkan kos. Oleh itu, objektifnya adalah untuk memberi kesihatan yang berkesan kepada masyarakat dengan nilai yang sangat baik, dan menjadi pilihan utama keluarga dan perniagaan.

**We have a Passion for Making People Better.**

[www.columbiaasia.com](http://www.columbiaasia.com)

## Pengenalan

Dalam situasi peningkatan penyakit berjangkit dan penyakit yang berkaitan gaya hidup sebegini, adalah amat penting untuk mewujudkan persekitaran dan gaya hidup yang selamat untuk diri sendiri dan masyarakat. Keadaan krisis COVID-19 semakin merosot dan tiada garis panduan yang ditetapkan untuk mengatasi situasi yang mencabar ini. Keadaan dunia berubah secara mendadak, oleh itu kita harus membuat garis panduan untuk kebaikan semua.

Sebagai organisasi yang bertanggungjawab, Cambridge English For Life Sdn Bhd akan berterusan menyampaikan perkara penting ini kepada kakitangan, guru dan pelajar kami. Ini akan membantu untuk memastikan kakitangan CEFL sihat dengan persekitaran yang selamat dan harmoni bagi meningkatkan produktiviti dan keselamatan bersama.

Garis panduan kebersihan dan keselamatan COVID-19 ini disediakan sebagai panduan kepada semua Pusat Bahasa Cambridge English For Life untuk mengambil langkah-langkah membendung penyebaran penyakit COVID-19. Langkah ini akan dilaksanakan apabila Pusat Bahasa CEFL kembali beroperasi seperti yang diperintahkan oleh pihak berkuasa atau kerajaan.

Adalah sangat penting bagi semua Pusat Bahasa Cambridge English For Life menitikberatkan langkah-langkah kebersihan dan jarak fizikal yang selamat kerana seluruh Malaysia dan juga dunia berada dalam pertempuran yang mungkin akan mengambil masa yang lama – dianggarkan dalam satu hingga dua tahun lagi. Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, setiap individu memainkan peranan penting untuk meneruskan amalan kebersihan yang baik dan jarak fizikal yang selamat untuk memastikan situasi COVID-19 berada dalam keadaan terkawal ketika atau tanpa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan juga sebarang bentuk penyelepasan.

Langkah-langkah pencegahan yang disarankan dalam dokumen ini mungkin memerlukan penyesuaian pada jadual kelas di setiap Pusat Bahasa Cambridge English For Life. Sebagai contoh, saiz kelas yang kecil untuk mempraktikkan jarak sosial yang selamat serta pengagihan masa dan penggunaan kawasan umum secara berperingkat.



## Tujuan

Garis panduan ini dihasilkan mengikut perintah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Malaysia di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan Akta Polis 1967. Pelaksanaan dan penguatkuasaan garis panduan ini oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan tertakluk kepada perintah dari semasa ke semasa oleh Majlis Keselamatan Negara berkaitan dengan pelaksanaan PKP.

Garis panduan COVID-19 yang disiarkan dibawah Perintah Kawalan Pergerakan bertindak sebagai rujukan pusat bahasa dalam mengambil langkah berjaga-jaga untuk membendung penyebaran COVID-19 apabila premis-permis tersebut dibenarkan beroperasi semula seperti yang diperintahkan oleh pihak berkuasa.

## Definisi

Kakitangan termasuk pengurus dan pembantu pusat bahasa, kakitangan pentadbiran, tenaga pengajar, pembersih sambilan, dll.

Pemberi perkhidmatan adalah pembekal atau individu yang terlibat melakukan pemberian, penyelenggaraan (cth.: penghawa dingin) atau perkhidmatan (cth.: pembersih sambilan) di pusat bahasa.

Pihak pengurusan merangkumi pengarah pusat dan pengurus pusat bahasa yang berkaitan.

## Tanggungjawab

Semua kakitangan harus mematuhi garis panduan ini untuk mencegah penyebaran jangkitan COVID-19 di Pusat Bahasa CEFL.

Pengurus pusat bahasa perlu memastikan bahawa orang luar (termasuk ibu bapa, penjaga, pelawat, pembekal, pengangkut, dll.) diberitahu mengenai langkah-langkah yang telah diambil mengikut garis panduan ini sebelum memasuki pusat bahasa.

Pengurus pusat bahasa hendaklah memberitahu pihak pengurusan dan operasi di ibu pejabat jika terdapat sebarang jangkitan COVID-19 di Pusat Bahasa CEFL di kalangan kakitangan, pelajar atau ibu bapa/penjaga mereka.

Pengurus pusat bahasa perlu memastikan terdapat alat pelindung diri yang mencukupi (seperti sarung tangan dan topeng), cecair pembasmi kuman, sabun pencuci tangan, dan termometer inframerah (termasuk bateri sandaran).

Pengurus pusat bahasa hendaklah memastikan bahawa semua kemudahan dibersihkan dan dibasmi kuman mengikut jadual.

Pengurus pusat bahasa hendaklah memberikan latihan yang sewajarnya kepada kakitangan.

Para guru hendaklah sentiasa:

- Memantau status kesihatan pelajar,
- Mengingatkan pelajar untuk menjaga kebersihan diri dan penjarakan sosial,
- Maklumkan kepada pengurus pusat bahasa jika mengesan mana-mana pelajar yang mempunyai gejala seperti selesema.

## Sebelum Pembukaan Semula Pusat Bahasa CEFL

### 1.0 Penjarakan Sosial & Jadual Kelas

- 1.1 Susun semula ruang pejabat dan kedudukan tempat duduk di dalam kelas dan patuhi jarak sosial (minimum 1 meter di antara satu sama lain).


Catatan: Pusat Bahasa CEFL perlu menjadikan kelas lebih kecil atau membahagikan kepada dua sesi. Pengurus Pusat Bahasa dan kakitangan perlu merancang susun atur tempat duduk mereka berdasarkan susun atur kelas/pusat bahasa anda (atur perabot mengikut ukuran kelas).

- 1.2 Ruang menunggu tidak boleh digunakan dan pelajar hanya akan dibenarkan keluar 15 minit selepas kelas tamat. Ingatkan ibu bapa untuk menjemput anak mereka dalam masa yang telah ditetapkan.



- 1.3 Atur semula jadual waktu kelas untuk mengelakkan kumpulan pelajar kelas bertembung dengan kumpulan pelajar kelas seterusnya.
- 1.4 Ingatkan ibu-bapa bahawa mereka dilarang menunggu di dalam pusat bahasa dan hanya boleh menunggu berhampiran pintu masuk.
- 1.5 Jangan biarkan pelajar berkumpul ketika mereka menunggu untuk menggunakan tandas.
- 1.6 Guru dinasihatkan untuk menyediakan sesi pengajaran di kelas masing-masing sahaja dan amalkan jarak 1 meter di antara satu sama lain. Sekiranya bahan rujukan berada di kawasan umum seperti perpustakaan, bilik sumber atau pejabat, aturkan agar hanya 1-2 orang berada di ruang tersebut pada satu masa. Misalnya menggunakan nombor giliran atau jadual penggunaan bilik. Sentiasa menjaga jarak fizikal yang selamat.
- 1.7 Letakkan tanda anak panah pada lantai untuk menunjuk arah masuk & keluar pelajar.

Contoh:



- 1.8 Sediakan bilik pengasingan bagi mana-mana pelajar yang berkemungkinan tidak sihat pada waktu pembelajaran. Kakitangan harus memberitahu ibu bapa/penjaga untuk menjemput pelajar dengan segera setelah diasingkan daripada pelajar lain.
- 1.9 Beri maklumat asas kepada kakitangan/guru apabila mereka kembali bekerja tentang 'norma baharu' dan prosedur yang harus diikuti (mencuci tangan, etika batuk, mengenal pasti gejala, tidak meludah, panduan penggunaan lif, waktu rehat, waktu makan, tidak berjabat tangan/berpelukan/high-five, pembasmian kuman dan pembersihan komputer riba, beg, telefon bimbit dan lain-lain).
- 1.10 Elakkan mesyuarat yang melibatkan ramai pekerja dan gantikan dengan perbincangan kecil (jaga jarak sosial) atau mesyuarat atas talian.
- 1.11 Polisi hanya 'pelawat penting' akan dinilai. Kenal pasti ruang yang bersesuaian untuk penanya (dengan temu janji sahaja).



- 1.12 Kenal pasti waktu sesuai servis peralatan pejabat dapat dilakukan mengikut keadaan (jumlah orang) di pejabat/pusat bahasa.

## 2.0 Pengisytiharan Kesihatan/Pengesanan Kontak

- 2.1 Lengkapkan '**Health Declaration Form**' yang dihantar oleh ibu pejabat kepada semua kakitangan, guru dan pelajar sebelum pusat bahasa dibenarkan beroperasi semula.  
PENTING: Maklumkan kepada ibu bapa, penjaga, kakitangan dan guru untuk mengisytiharkan perjalanan masa lalu dan masa depan mereka ATAU jika mereka mempunyai hubungan dengan pesakit positif COVID-19. Kegagalan untuk menyatakan kebenaran boleh mengakibatkan penggantungan atau pemecatan kakitangan/guru/anak/keluarga dari pusat bahasa. Mereka mungkin akan dilaporkan kepada pihak berkuasa.
- 2.2 Cetak '**Contract Tracing Poster with QR Code**' yang diberikan oleh ibu pejabat CEFL dan tampil di pintu hadapan.
- Kakitangan/Guru: Mesti mengimbas kod QR di pintu masuk, lengkapkan 'contract tracing form' dan hantar sebelum dibenarkan masuk. Kod QR mesti diimbas setiap kali memasuki pusat bahasa (contoh: datang bekerja pada waktu pagi, kembali daripada membungkus makanan tengah hari).
  - Pelawat/Kontraktor: Mesti mengimbas kod QR di pintu masuk, lengkapkan 'contract tracing form' dan hantar sebelum masuk.
  - Pelajar: Sebilangan pelajar mungkin tidak mempunyai telefon pintar. Pusat bahasa perlu menggunakan buku log untuk menyimpan rekod pelajar yang menghadiri kelas. Rekodkan suhu pelajar semasa mereka masuk (rujuk video PMCO Safety Guidelines & Protocols).



- 2.3 Perjalanan untuk kakitangan dan guru (luar bandar dan luar negara) perlu dielakkan selama enam bulan seperti yang dinasihatkan oleh KKM. Kakitangan dan guru mesti mengisytiharkan perjalanan mereka ke luar negeri/negara.
- 2.4 Semua kakitangan diingatkan mengenai polisi penerimaan bungkusan dan melakukan pembasmian kuman pada permukaan semasa menerima.
- 2.5 Untuk kaedah saringan yang cekap, termometer infra merah harus dibeli dan kakitangan harus mengetahui cara mengambil suhu pelajar/kakitangan/guru. Sila baca manual arahan terlebih dahulu.

### 3.0 Pembersihan dan Pembasmian Kuman

- 3.1 Periksa setiap kawasan bangunan dan pastikan pembersihan dilakukan dengan betul.
- 3.2 Setiap ruang meja, sudut bilik, lif, pegangan tangga, pemegang pintu, pegangan kerusi, suis elektrik, alat kawalan jauh, bilik air, dan lain-lain perlu dibersihkan/dibasmi kuman.
- 3.3 Sabun pencuci tangan perlu disediakan di dalam setiap bilik air.
- 3.4 Pembersih tangan (hand sanitiser) mesti ditempatkan di lokasi yang bersesuaian seperti pintu masuk, pintu keluar dan sebelum memasuki kelas.
- 3.5 Pembersihan sistem penyamanan udara termasuk kipas lif perlu dilakukan (sila rujuk pemilik bangunan).
- 3.6 Buka tingkap secara kerap untuk memastikan terdapat peredaran udara yang berterusan dan selamat.
- 3.7 Elakkan meletak semua buku dan fail anda di dalam satu rak yang sama. Letakkan di tempat yang berasingan di dalam bilik.
- 3.8 Letakkan lapisan plastik lutsinar pada soft board dan kabinet untuk memudahkan pembersihan.



- 3.9 Keluarkan atau larang penggunaan rak, ruang penyimpanan yang tidak digunakan lagi untuk meminimumkan kemungkinan sentuhan bagi mengelakkan penyebaran virus di kawasan tersebut.
- 3.10 Kaktangan/guru harus menggunakan cawan, botol atau alat makan (kutleri) mereka sendiri dan dikehendaki untuk mencucinya sendiri.
- 3.11 Pastikan tong sampah adalah jenis bertutup dan tidak perlu menggunakan tangan (pijak untuk dibuka), terutamanya di pantri dan bilik air.
- 3.12 Rancang cara untuk mengesan dan melaporkan jumlah stok yang ada - sabun cecair pencuci tangan, pembasmi kuman, hand sanitiser, topeng muka, tuala kertas dan lain-lain.
- 3.13 Gunakan humidifier dan tablet klorin dioksida untuk membantu menjaga kebersihan udara. Sila rujuk cadangan oleh ibu pejabat mengenai nisbah air:tablet untuk penggunaan optimum. Anda boleh meletakkan humidifier di bilik yang berlainan sepanjang hari. Sila baca arahan dan tonton video pengenalan sebelum anda mula menggunakan humidifier. Kendalikan humidifier tersebut dengan berhati-hati.
- 3.14 Bersihkan secara kerap (contohnya setiap 4 jam) permukaan yang sering disentuh. Contoh permukaan yang sering disentuh: pemegang/tombol pintu, butang lif, pemegang tangga, suis lampu.
- 3.15 Sediakan jadual pembersihan untuk semua bilik air dan bekerjasama dengan pekerja pembersihan anda untuk mengikut jadual tersebut. Contoh: Bilik air dibersihkan dan dibasmi kuman setiap 2 jam. Pembersihan semua bilik air perlu direkodkan.



## 4.0 Komunikasi

- 4.1 Letakkan papan tanda, poster dan visual (dapat dilihat kanak-kanak) agar kakitangan, guru dan pengunjung mengamalkan langkah-langkah pencegahan baharu.



- 4.2 Maklumkan kakitangan, guru atau pelajar yang mempunyai bacaan suhu  $37.5^{\circ}\text{C}$  dan keatas mesti dihantar pulang serta-merta dan tidak dibenarkan masuk ke pusat bahasa sehingga pulih sepenuhnya.
- 4.3 Semua kakitangan, guru dan penjaga mesti dimaklumkan sebelum membuka semula Pusat Bahasa bahawa diwajibkan memakai topeng muka semasa berada di pusat bahasa. Ini penting untuk mencegah penyebaran virus daripada pesakit tanpa gejala. Penggunaan pelindung muka adalah digalakkan semasa guru mengajar di kelas, begitu juga untuk pelajar kanak-kanak didalam kelas JE dan Starters.
- 4.4 Pusat bahasa perlu sentiasa mempunyai bekalan topeng muka atau pelindung muka yang cukup sekiranya topeng/pelindung muka pelajar rosak ketika berada di dalam kelas.
- 4.5 Maklumkan kepada ibu bapa atau penjaga agar tidak menghantar anak mereka ke kelas sekiranya mereka tidak sihat.
- 4.6 Maklumkan ibu bapa bahawa mereka perlu memberitahu sekiranya anak mereka mempunyai alahan terhadap cecair berdasarkan alkohol atau tidak dapat memakai topeng muka atas faktor kesihatan (cth. penyakit asma). Sebaliknya, pelajar yang mempunyai alahan tersebut boleh mencuci tangan menggunakan sabun dan mereka yang mempunyai asma boleh memakai pelindung muka.
- 4.7 e-Pembelajaran boleh disediakan sebagai sandaran untuk pelajar yang memerlukan atau dalam keadaan tertentu untuk memastikan pembelajaran yang berterusan. Sehubungan itu, pusat bahasa juga perlu mempertimbangkan jumlah minimum jam atau hari untuk pembelajaran secara langsung di pusat bahasa untuk memastikan pelajar mempunyai pengalaman belajar yang bermakna (ibu pejabat CEFL akan berkongsi bahan e-Pembelajaran selama empat minggu selepas pembukaan semula pusat bahasa dan memantau maklum balas daripada ibu bapa, sekiranya perlu melanjutkan bahan e-Pembelajaran setelah pusat bahasa dibuka semula).
- 4.8 Rancang sekurang-kurangnya 1-2 bulan akan datang. Jangkakan keadaan dimana tenaga kerja tidak mencukupi dan kawal dengan sewajarnya. Sediakan pilihan untuk mengurangkan risiko (contoh: bekerja dari rumah, kerja jarak jauh) sekiranya PKP dilanjutkan atau berlakunya sekatan semula.

## Ketika Kelas/Hari Bekerja

### 5.0 Sebelum Kelas Bermula

- 5.1 Pastikan garis panduan dipatuhi secara menyeluruh.
- 5.2 Kenal pasti masalah/kebimbangan dan rancang perubahan/penambahbaikan.
- 5.3 Semua kakitangan, guru dan pelajar mesti memakai topeng muka semasa berada di pusat bahasa/pejabat. Kenal pasti pelajar yang perlu memakai pelindung muka ke kelas kerana faktor kesihatan (cth. asma).
- 5.4 Setiap orang yang memasuki pusat bahasa mesti disaring menggunakan termometer infra merah untuk memastikan tidak ada yang demam (suhu badan normal bagi manusia ialah  $36.5 - 37.4^{\circ}\text{C}$ ).



- 5.5 Lantik sekurang-kurangnya 2 orang kakitangan tetap, (seorang lagi sebagai pengganti) bertanggungjawab untuk memeriksa suhu dan memantau pembersihan tangan di pintu masuk keatas SEMUA kakitangan, pelajar dan pelawat. Kakitangan harus mempunyai etika kebersihan yang baik.
- 5.6 Kakitangan Pusat Bahasa CEFL dinasihatkan untuk mempunyai bantuan tambahan dan kakitangan pengganti sekiranya berlaku kecemasan.

5.7 Jangan benarkan sesiapa memasuki pusat bahasa, termasuk kakitangan dan pelajar yang mempunyai keadaan berikut:

- Tidak sihat
- Demam atau selesema (hidung berair, sesak nafas, sakit tekak, batuk)
- Kontak rapat dengan individu positif COVID-19 – mereka yang dikuarantin di rumah selama 14 hari/baru pulang dari luar negara

Semua kakitangan, guru dan pelajar yang baru pulang dari luar negara perlu melakukan kuarantin di rumah selama 14 hari.

5.8 Pejabat/kelas mesti dalam keadaan bersih, kosong (rapi) dan lapang bagi mengurangkan risiko jangkitan virus. Buka tingkap dan pintu secara berkala untuk pengaliran udara yang lebih baik walaupun penghawa dingin dihidupkan.

5.9 Skrip langkah pencegahan COVID-19 perlu dibaca sebelum kelas bermula, pada selang waktu dan/atau pada waktu yang bersesuaian oleh guru untuk mengingatkan pelajar tentang amalan kebersihan bagi mengelakkan jangkitan COVID-19. Skrip mesti dicetak dan dipaparkan di setiap kelas. Rujuk **Scripts to be read in classrooms**.

## 6.0 Amalan Kebersihan/Penjarakan Sosial Sepanjang Hari

6.1 Cuci dan bersihkan tangan dengan kerap, setelah menyentuh permukaan yang kerap disentuh, seperti pemegang pintu, pegangan tangan dan tingkap.

6.2 Buang tisu, topeng muka dan sarung tangan yang kotor dengan betul. Masukan ke dalam beg plastik, ikat dan buang ke dalam tong sampah bertutup. Sebaiknya, sampah tersebut perlu terus dibuang keluar dari pusat bahasa.

6.3 Jaga kebersihan persekitaran. Lakukan pembersihan rutin dan pembasmian kuman pada permukaan objek yang sering disentuh. Pembersihan kelas selepas setiap sesi dibuat oleh pelajar/guru. Masukan waktu pembersihan ke dalam jadual untuk memastikan kelancaran masa. Waktu pembelajaran dan aktiviti mungkin akan dipendekkan.

6.4 Bersihkan/basmi kuman selepas setiap lawatan daripada penanya.

6.5 Hadkan pergerakan kanak-kanak dan kakitangan di kawasan pusat bahasa sebanyak mungkin untuk mengurangkan interaksi (contohnya waktu ke tandas atau pada akhir kelas).

6.6 Basuh tandas dan sinki dengan kerap dan berjaga-jaga.

6.7 Elakkan berbincang dengan ibu bapa/penjaga mengenai hal anak mereka di kelas untuk mengelakkan pertemuan/interaksi yang lama. Sebaliknya, berkomunikasi melalui telefon atau aplikasi pesanan ringkas.

6.8 Hadkan lawatan pelawat ketika mempunyai sesi kelas. Jadualkan janji temu ketika tidak ramai orang di pusat bahasa atau atur pertemuan/penilaian secara dalam talian.

6.9 Sekiranya murid tidak sihat, beritahu ibu bapa bahawa anak mereka tidak perlu hadir dan boleh kembali apabila telah pulih sepenuhnya.

Jika ada pelajar yang tidak sihat semasa kelas berlangsung, tempatkannya di bilik pengasingan dengan segera dan panggil ibu bapa/penjaga untuk datang menjemput pelajar tersebut.

6.10 Ibu bapa/penjaga yang lambat (lebih daripada 30 minit) menjemput anak mereka akan diberi peringatan untuk minggu berikutnya. Mereka perlu sedar kepentingan penjarakkan sosial dan memastikan bahawa tidak ada kumpulan/kelompok kanak-kanak yang dijemput lewat selepas kelas mereka tamat.

## Ubahsuai Polisi Kerja

- Pengaturan kerja yang fleksibel seperti perubahan waktu kerja, mengelakkan perjumpaan yang ramai, aktiviti kumpulan, dan lain-lain.
- Melaksanakan dasar sementara untuk golongan yang layak seperti warga tua dan wanita hamil.
- Pantau kesihatan pekerja dan menggalakkan pemeriksaan kesihatan apabila diperlukan.
- Beri sokongan kepada pekerja dan menggalakkan mereka untuk bercakap dengan orang yang mereka percayai.

## Tindakan yang perlu diambil sekiranya terdapat kes positif COVID-19 di Pusat Bahasa CEFL

1. Tutup pusat bahasa dengan segera sebaik sahaja selesai berunding dengan ibu pejabat CEFL.
2. Berkomunikasi dengan ibu bapa dan kakitangan mengenai penutupan pusat bahasa.
3. Jangan dedahkan identiti kakitangan, guru, pelajar atau ibu bapa yang dijangkiti. Berhati-hati dan berkomunikasi dengan cara yang betul agar dapat mengelakkan stigma dan diskriminasi.
4. Hubungi pejabat kesihatan terdekat untuk mendapatkan khidmat nasihat.
5. Lakukan pembersihan dan pembasmian kuman di pusat bahasa mengikut garis panduan KKM.
  - a. Buka pintu dan tingkap untuk peredaran udara di kawasan tersebut.
  - b. Kakitangan pembersihan perlu membasmikan kuman di setiap kawasan (cth. pejabat, tandas dan kawasan umum) yang digunakan oleh pesakit, terutamanya pada permukaan yang sering disentuh.
  - c. Sekiranya permukaan itu kotor, ia haruslah dibersihkan menggunakan detergen atau sabun sebelum proses pembasmian kuman dilakukan.
6. Pusat bahasa tersebut hanya boleh memulakan semula operasi apabila tahap kebersihan dan keselamatan memenuhi semua syarat dan mendapat kebenaran daripada pejabat kesihatan daerah.

## Petikan dan rujukan selanjutnya:

- National Early Childhood Intervention Council. 2020. SOP: Post-Lockdown COVID-19 Safety Guidance for Early Childhood Centres. Malaysia. Version 1, 10th April 2020. Creative Commons Attribution CC BY 4.0, with Contributions to the guideline: Lai-Thin, Ng, Project Officer, NECIC Dato' Dr Amar-Singh HSS, Consultant Paediatrician & Advisor NECIC Dr Woan-Yiing, Wong, Consultant Paediatrician & President NECIC.
- Life After Lockdown. 2020. A Handbook to Create Safe Spaces in the Aftermath of COVID-19. Apollo Project Kavach. Apollo Hospitals.
- Social Distancing at Work. 2020. Ministry of Health, Malaysia.
- How to Correctly Wash Your Hands. May 2009. World Health Organization.
- How to Put On, Use, Take Off and Dispose of a Mask. 2020. World Health Organization.
- Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia


## Lampiran:

(selepas Soalan Lazim)

- Lampiran 1: Cara-Cara Mencuci Tangan
- Lampiran 2: Cara Betul Memakai, Membuka dan Membuang Topeng Muka
- Lampiran 3: Protokol Kesihatan & Keselamatan COVID-19 untuk Pelawat & Pelajar
- Lampiran 4: Langkah-langkah Perlindungan Asas Terhadap COVID-19
- Lampiran 5: Kod QR bagi Pengesanan Kontak
- Lampiran 6: Sila Pakai Topeng Muka Sebelum Masuk
- Lampiran 7: Borang Akuan Kesihatan
- Lampiran 8: Skrip untuk dibaca di dalam kelas
- Lampiran 9: Contoh susun atur kelas

## Jawatankuasa Pasukan Petugas COVID-19 (Ibu Pejabat):

### CAMBRIDGE ENGLISH FOR LIFE COVID-19 AHLI LEMBAGA PENGELOLA (ALP)



## Soalan Lazim

### 1. S: Apakah langkah pencegahan untuk mengurangkan risiko wabak COVID-19 di pusat?

**J:** Untuk memastikan komuniti kita selamat dan sihat, semua staf, guru dan pelajar diwajibkan untuk mengisi **Health Declaration Form** sebelum kembali bekerja dan ke kelas. Semua individu yang masuk ke pusat akan diminta untuk mengisi **Contact Tracing Form**, diperiksa suhu badan mereka dan membersihkan tangan dengan cecair pembasmi kuman (hand sanitiser). Kami juga mewajibkan setiap individu yang masuk ke pusat untuk memakai topeng muka atau pelindung muka. Pelajar JE & Starters dikehendaki memakai topeng dan pelindung muka sebagai langkah keselamatan.

### 2. S: Apakah SOP yang telah dilaksanakan oleh CEFL untuk melindungi pelajar daripada dijangkiti COVID19 di pusat?

**J:** SOP adalah seperti berikut.

#### Sebelum pembukaan pusat bahasa:

1. Pusat bahasa akan dibersihkan dengan menyeluruh.

#### Pada hari kelas:

1. Pelajar diturunkan di pintu masuk pusat bahasa.
2. Pelajar dibenarkan masuk hanya jika mereka memakai topeng muka atau pelindung muka.
3. Suhu pelajar diperiksa oleh kakitangan pusat dan mereka dibenarkan masuk sekiranya suhu mereka di bawah 37.5°C.
4. Pusat bahasa mencatatkan suhu dan kehadiran masing-masing dalam senarai nama kelas.
5. Pelajar kemudian terus membersihkan tangan mereka.
6. Ibu bapa tidak dibenarkan memasuki pusat bahasa kecuali dengan janji temu.
7. Pengaturan bilik darjah diatur untuk mengikut jarak sosial yang dibenarkan iaitu satu (1) meter.
8. Bilik darjah akan dibersihkan antara waktu kelas.
9. Semua permukaan yang kerap disentuh akan dibersihkan secara berkala.
10. Pelajar tidak dibenarkan berkumpul di luar bilik darjah mereka.
11. TPenggunaan tandas dikawal untuk mengelakkan kesesakan.
12. Pusat akan meletakkan tanda anak panah di lantai untuk pergerakan pelajar masuk dan keluar, serta tanda 1 meter di atas lantai.

#### Protokol Pelawat:

1. Protokol Kesihatan dan Keselamatan COVID-19 telah disusun dan disediakan diatas talian.
2. Semua pelawat/ibu bapa diminta membuat janji temu terlebih dahulu sebelum datang ke pusat, sama ada untuk pertanyaan, ujian penempatan atau membuat pembayaran.
3. Semua pelawat/ibu bapa/pegawai penghantaran yang memasuki premis pusat harus memakai topeng muka sebelum masuk.
4. Pelawat diminta untuk mengimbas kod QR yang ditampilkan dan mengisi Borang Jejak Kontak mengikut protokol kerajaan.
5. Pelawat perlu mencatat suhu masing-masing dan menggunakan pembersih tangan yang disediakan.
6. Sekiranya pelawat ingin membuat pembayaran, sistem 'payWave' atau transaksi atas talian adalah digalakkkan.

Catatan: Sekiranya anda ingin mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan protokol SOP COVID-19 secara terperinci, anda boleh meminta panduan SOP COVID-19 dari pengurus pusat bahasa sebagai rujukan.

**3. S: Apakah prosedur yang harus diikuti sekiranya pelajar didapati positif COVID-19 atau telah berhubung rapat dengan individu yang positif COVID-19?**

J: Sebaik sahaja diketahui oleh kakitangan pusat yang salah seorang pelajar mereka adalah positif untuk COVID-19 atau telah berhubung rapat dengan seseorang yang positif COVID-19, prosedur berikut akan dipatuhi dengan ketat.

1. Ibu pejabat CEFL mesti dimaklumkan dengan segera.
2. Kementerian Kesihatan (KKM) dan/atau Kementerian Pendidikan (KPM) akan dimaklumkan dengan segera.
3. Semua rekod pengesahan kenalan yang berkaitan dengan pelajar masing-masing akan disediakan untuk pegawai KKM.
4. Semua ibu bapa pelajar dan guru yang bersentuhan dengan pesakit akan dimaklumkan dan diminta untuk melaporkan ke pusat kesihatan kerajaan terdekat dan perlu diuji.
5. Pusat bahasa akan ditutup dengan segera dan dibersihkan sepenuhnya sebelum dibuka semula.
6. Laporan akan diberikan kepada ibu pejabat CEFL untuk mengesahkan bahawa langkah-langkah tersebut telah dilaksanakan.

**4. S: Berkenaan dengan pelajar yang telah melakukan perjalanan rentas negara atau kontak rapat dengan pesakit positif COVID-19 tetapi diuji negatif dan telah menjalani kuarantin selama 2 minggu, apakah dokumen yang harus dikemukakan oleh pelajar sebelum menghadiri kelas?**

J: Pelajar mesti mengemukakan laporan Deklarasi Kesihatan dari doktor dari hospital yang diperakui.

**5. S: Apakah yang akan berlaku jika pelajar berasa tidak sihat semasa kelas sedang berlangsung?**

J: Guru akan mengasingkan pelajar tersebut secepat mungkin dari kelas dan memaklumkan kepada pengurus pusat. Pelajar akan diasingkan daripada pelajar yang lain sementara menunggu ibu bapa/penjaga. Suhu badan pelajar akan diambil dan tangannya akan dibersihkan sebelum meninggalkan pusat bahasa. Kawasan/ruang yang digunakan untuk menunggu juga akan dibasmi secara menyeluruh.

**6. S: Keluarga kami telah merancang perjalanan untuk musim cuti sekolah pada akhir tahun ini. Adakah saya perlu memaklumkan rancangan perjalanan masa hadapan saya kepada pusat bahasa?**

J: Ya. Semua kakitangan, guru dan pelajar mesti menyatakan sejarah perjalanan mereka dan rancangan perjalanan masa hadapan.

**7. S: Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak CEFL untuk memastikan jarak sosial di pusat-pusat bahasa?**

J: Langkah-langkah keselamatan adalah seperti berikut:

**Sebelum & selepas kelas:**

1. Jadual kelas akan disusun semula untuk mengelakkan kesesakan di kawasan umum. Sila tunggu jadual atau nasihat baru dari pengurus pusat masing-masing sebelum pusat dibuka semula.
2. Ibu bapa harus menjemput pelajar dalam masa 15 minit sebelum dan selepas kelas.
3. Pusat bahasa akan sentiasa memantau pergerakan pelajar terutamanya semasa mereka masuk/keluar kelas.
4. Semua pelajar/ibu bapa mesti mengikuti protokol pencegahan & keselamatan dan menjaga penjarakan sosial pada setiap masa.

**Semasa kelas:**

1. Tempat duduk di semua kelas akan disusun semula untuk memastikan penjarakkan sosial minimum satu (1) meter dijaga.
2. Kakitangan pusat bahasa akan mengawasi dan mengikuti jadual ke tandas untuk mengelak kesesakan. Seorang kakitangan akan ditempatkan di pintu masuk untuk mengawal aliran/bilangan pelajar yang memasuki tandas.
  
8. **S: Bagaimana pembasmian kuman atau pembersihan dilakukan pada permukaan yang kerap disentuh dan di seluruh kawasan premis pusat bahasa?**
  1. Kami akan melakukan pembasmian kuman pada objek yang kerap disentuh seperti tombol pintu/pemegang, suis lampu, pegangan tangan, perabot, meja, kerusi dan papan putih.
  2. Bilik darjah akan dibasmi kuman selepas setiap kelas.
  3. Pembasmi kuman akan disembur di kawasan umum seperti ruang pejalan kaki dan tandas secara berkala.
  
9. **S: Adakah pusat bahasa akan menyediakan topeng muka kepada setiap pelajar?**

**J:** Tidak. Semua pelajar dikehendaki menyediakan topeng muka/pelindung muka mereka sendiri.

10. **S: Anak saya mengalami alahan kulit. Perlukah anak saya menggunakan pembersih berasaskan alkohol?**

**J:** Sila maklumkan kepada pentadbir pusat bahasa anda sekiranya anak anda alah kepada pembersih berasaskan alkohol.

Kami akan membawa pelajar tersebut mencuci tangan terlebih dahulu setiap kali memasuki pusat bahasa.

11. **S: Apakah langkah-langkah keselamatan yang harus saya ikuti setelah menghadiri kelas?**

**J:** Sebaiknya anda mandi sebaik sahaja sampai di rumah. Kemudian, basuh pakaian yang dipakai.

12. **S: Bolehkah ibu bapa dan penjaga menjaga anak-anak mereka di dalam pusat bahasa atau bertemu dengan pengurus pusat bahasa untuk memeriksa perkembangan anaknya di kelas?**

**J:** Ibu bapa dan penjaga tidak lagi dibenarkan masuk ke pusat bahasa pada hari kelas berlangsung; hanya dibenarkan untuk menjemput di pintu masuk. Mereka digalakkan untuk berkomunikasi dengan pengurus pusat bahasa melalui perjumpaan alam maya, e-mel, panggilan telefon atau pesanan teks untuk mengurangkan kontak. Jika tidak, mereka harus membuat janji temu untuk berjumpa dengan pengurus pusat bahasa pada hari bukan kelas.

13. **S: Bolehkah pembayaran yuran dibuat menggunakan kad kredit di pusat bahasa?**

**J:** Ya. Walau bagaimanapun, anda perlu membuat temu janji terlebih dahulu sebelum anda memasuki pusat bahasa untuk membuat pembayaran. Kami menggalakkan menggunakan sistem 'payWave' atau pemindahan atas talian.

14. **S: Bagaimakah cara untuk saya mengetahui sama ada kelas disambung semula dan adakah semua orang atau pelajar tahap tertentu sahaja yang dibenarkan kembali ke kelas?**

**J:** Notis rasmi akan dihantar kepada ibu bapa sekurang-kurangnya tujuh (7) hari lebih awal sebelum kelas dijalankan semula dan ia merangkumi tahap mana yang dapat disambung semula berdasarkan arahan Kementerian Pendidikan (KPM). Pengurus pusat bahasa akan

menghantar maklumat mengenai jadual kelas terkini kepada ibu bapa melalui telefon, e-mel, halaman Facebook, Instagram dan / atau laman web CEFL.

**15. S: Adakah kelas akan diganti sekiranya seorang pelajar diminta pulang kerana dia menunjukkan gejala COVID-19?**

**J:** Tidak, kelas gantian tidak akan disediakan. Sila bincang dengan pengurus pusat bahasa sekiranya terdapat pilihan lain. Ibu bapa tidak dibenarkan membawa anak mereka ke pusat sekiranya mereka menunjukkan gejala.

**16. S: Adakah e-Pembelajaran akan dijalankan sekiranya saya tidak mahu anak saya ke kelas fizikal di pusat tersebut untuk mengamalkan pejarakkan sosial? Apakah pilihan saya?**

**J:** Pilihan e-Pembelajaran akan tetap disediakan selama 2 minggu setelah kelas sebenar disambung semula. Sekiranya ada sebarang pelanjutan, ia akan dikemas kini dengan sewajarnya. Walau bagaimanapun, pilihan untuk meneruskan e-Pembelajaran atau kelas sebenar adalah mengikut budi bicara pusat bahasa tersebut. Sekiranya anda ingin anak anda meneruskan e-Pembelajaran, sila maklumkan kepada Pengurus pusat anda sekurang-kurangnya 3 hari sebelum dan bincangkan pilihan yang boleh dilakukan untuk memenuhi kehendak anda.

**17. S: Adakah semua kelas akan dijalankan dalam satu hari? Apa yang akan berlaku dengan pusat bahasa yang lebih besar dengan jumlah pelajar yang lebih ramai?**

**J:** Sebilangan besar pusat bahasa CEFL akan berkongsi jadual baru dan akan menghubungi ibu bapa setelah menguruskan urusan logistik masing-masing.

**18. S: Adakah bilangan pelajar di dalam kelas dikekalkan?**

**J:** Tempat duduk di semua kelas akan disusun semula untuk memastikan jarak minimum satu (1) meter antara semua pelajar. Ini mungkin akan mempengaruhi bilangan pelajar dalam kelas, mengikut kemampuan dan susun atur bilik berbeza untuk semua bilik darjah.

**19. S: Bolehkah anak saya membawa pulang fail dan buku mereka daripada meninggalkannya di rak di dalam kelas supaya saya dapat membersihkan fail dan buku mereka sebelum kelas seterusnya?**

**J:** Ini mengikut budi bicara pusat bahasa masing-masing. Sila maklumkan kepada pengurus pusat bahasa anda jika anda ingin membawa pulang bahan pembelajaran.

**20. S: Adakah semua staf/guru diberi penerangan dan diminta untuk mengikuti protokol?**

**J:** Pengurus pusat bahasa akan memastikan bahawa semua guru dan kakitangan diberi penerangan mengenai semua protokol dan menguatkuasakan SOP Garis Panduan COVID-19.

**21. S: Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai protokol COVID-19?**

**J:** Anda boleh menghubungi pengurus pusat bahasa masing-masing atau menghubungi ibu pejabat CEFL di 03-7883 0912.

# Cara-Cara Mencuci Tangan



Tempoh keseluruhan prosedur: 40-60 saat

Kebersihan tangan adalah langkah penting untuk mencegah penularan virus.

Bilakah anda harus mencuci tangan anda?

- ▶ Setibanya di pusat bahasa
- ▶ Sebelum dan selepas makan
- ▶ Selepas menggunakan tandas
- ▶ Selepas menolong anak kecil menggunakan tandas
- ▶ Selepas mengelap hidung, mulut, atau luka
- ▶ Selepas memegang sebarang cecair badan seperti cirit birit, lendir atau muntah
- ▶ Selepas bermain di luar
- ▶ Jika tangan anda kelihatan kotor



Basahkan tangan dengan air



Lumurkan sabun pencuci tangan secukupnya



Gosok kedua-dua belah tapak tangan



Tapak tangan kanan di atas belakang tangan kiri dengan jalinan jari dan sebaliknya



Tapak tangan ke tapak tangan dengan jari bersilang



Belakang jari ke tapak tangan yang bertentangan dengan jari saling bertaut



Gosok secara putaran ibu jari kiri digenggam di telapak tangan kanan dan sebaliknya



Gosokan (putaran) di belakang dan di hadapan dengan jari-jari kanan di tapak tangan kiri dan sebaliknya



Bilas tangan dengan air



Keringkan tangan dengan tuala yang bersih



Guna tuala untuk menutup paip



Tangan anda kini bebas kuman

Beberapa cara untuk memastikan anda mencuci tangan dengan teliti:

- ▶ Gunakan sabun cecair
- ▶ Gosokkan tangan anda (depan dan belakang) selama sekurang-kurangnya 20 saat (Nyanyikan lagu 'Selamat Hari Jadi', 'Twinkle Twinkle Little Star' atau 'Baby Shark')
- ▶ Gunakan pembasmi kuman (*hand sanitiser*) dengan berhati-hati; hanya apabila tiada sabun pencuci tangan. Mencuci tangan dengan sabun dan air adalah lebih penting daripada menggunakan pembasmi kuman

# Cara Betul Memakai, Membuka dan Membuang Topeng Muka

## Bila Topeng Muka Perlu Dipakai



Pakai topeng muka ketika anda keluar dari rumah



Topeng muka lebih efektif jika anda kerap membersih tangan dengan pembersih berdasarkan alkohol atau sabun dan air



Jika anda memakai topeng muka, maka anda pasti tahu cara membuangnya dengan betul




Sebelum memakai topeng muka, bersihkan tangan menggunakan pembersih tangan berdasarkan alkohol atau sabun dan air



Tutup mulut dan hidung dengan topeng muka dan pastikan tiada ruang terbuka di antara muka dan topeng



Elakkan menyentuh topeng muka; jika anda tersentuh, bersihkan tangan anda dengan pencuci yang berdasarkan alkohol atau sabun dan air



Gantikan topeng muka dengan yang baharu jika ia telah lembap dan jangan gunakan semula topeng tersebut



Tanggalkan topeng muka dari belakang (jangan sentuh bahagian depan); buang dengan segera ke dalam tong sampah bertutup; bersihkan tangan dengan menggunakan pembersih tangan berdasarkan alkohol atau sabun dan air





# Protokol Kesihatan & Keselamatan COVID-19 untuk Semua Pelawat & Pelajar



## TEMU JANJI

Temu janji perlu dibuat sebelum dibenarkan melawat ke Pusat Bahasa CEFL



## PEMAKAIAN TOPENG MUKA

Topeng muka atau pelindung muka perlu dipakai setiap masa semasa lawatan



## IMBAS KOD QR

Isi Borang Pengesahan Kontak dalam talian untuk menjaga komuniti daripada penularan virus COVID-19



## PEMERIKSAAN SUHU BADAN

Suhu badan akan diperiksa sebelum memasuki premis



## CECAIR PEMBASMI KUMAN

Pembersihan tangan dilakukan di setiap pintu masuk



## PEMBERSIHAN

Setiap permukaan dan objek yang kerap disentuh akan dibersihkan dan dibasmi kuman secara berkala

## Langkah Perlindungan Asas Terhadap COVID-19

Pandemik COVID-19 telah menjadi semakin menular dan kami di Cambridge English For Life (CEFL) memandang serius langkah-langkah kebersihan dan keselamatan fizikal.

Sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab, setiap orang memainkan peranan penting untuk meneruskan amalan kebersihan yang baik dan jarak fizikal yang selamat agar COVID-19 terkawal, dengan atau tanpa Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) atau beberapa jenis sekatan.

Berikut adalah beberapa langkah berjaga-jaga yang boleh anda ambil untuk mengurangkan kemungkinan dijangkiti atau merebak COVID-19. Jaga kesihatan anda dan lindungi orang lain dengan melakukan perkara berikut:

### Langkah pencegahan di rumah anda



Membasuh tangan dengan sabun cecair dengan kerap.



Membuang topeng muka anda, rendam pakaian anda dengan sabun dan mandi setelah pulang sebelum melakukan kontak rapat dengan sesiapa sahaja di rumah.



Menjaga kebersihan persekitaran. Lakukan pembersihan rutin dan pembasmi kuman pada permukaan dan objek yang sering disentuh.



Sekiranya anda ingin membincangkan perkembangan anak anda, anda digalakkan untuk berkomunikasi melalui aplikasi telefon atau pesanan bagi mengelak berkumpul beramai-ramai dalam jangka masa yang lama.



Memakai topeng muka sebelum melangkah keluar dari rumah dan ke kelas untuk mencegah penyebaran virus daripada pesakit tanpa gejala.



Sila tinggal di rumah jika anda tergolong dari yang berikut:

- Kurang sihat
- Demam atau gejala seperti selesema (hidung berair, batuk, sakit tekak, sesak nafas)
- Berkontak rapat dengan individu positif COVID-19, mereka yang wajib menjalani 14 hari kuarantin diri dan / atau sesiapa sahaja yang baru pulang dari luar negara
- Semua kakitangan, guru dan pelajar yang pulang dari luar negara harus patuhi 14 hari kuarantin diri.

### Langkah pencegahan di CEFL



Hanya 'pelawat khusus' yang dibenarkan memasuki premis. Sebarang pertanyaan akan dibuat dengan temu janji sahaja.



Sila pakai topeng muka semasa anda berada di premis. Anda boleh memilih untuk menggunakan visor muka sebagai pengganti atau sebagai tambahan untuk topeng.



Pemeriksaan suhu termometer tanpa kontak akan dilakukan terhadap setiap orang untuk memastikan tiada demam. Mana-mana kakitangan, guru atau pelajar yang mempunyai bacaan suhu 37.5 derjah Celcius dan ke atas akan diantar pulang dan tidak dibenarkan masuk ke pusat sehingga dia pulih sepenuhnya.



Ibu bapa, pelajar dan kakitangan MESTI menyatakan rancangan perjalanan masa lalu dan masa depan (Jika ada) dan sebarang hubungan dengan sesiapa sahaja yang positif COVID-19. Kegagalan membuat demikian boleh mengakibatkan penggantungan atau pemecatan pelajar / keluarga dari pusat. Pelajar / keluarga boleh dilaporkan kepada pihak berkuasa.



Cecair pembasmi kuman untuk tangan akan diletakkan di lokasi yang sesuai (laitu di pintu masuk dan pintu keluar) dan mesti digunakan sebelum memasuki kelas.



Permukaan dan objek yang kerap disentuh akan dibersihkan dan dibasmi kuman. Pembersihan akan dilakukan diakhiri sesi setiap kelas sebelum kumpulan pelajar seterusnya menggunakanannya.



Pelajar akan dibenarkan beredar dari kelas dalam tempoh 15 minit setelah kelas tamat. Ibu bapa disarankan menjemput anak mereka dalam jangka masa yang ditetapkan.

**Bersama-sama, kita mencegah COVID-19.**


Dengan Kerjasama

**COLUMBIA ASIA**

**Sebahagian daripada usaha komuniti kami untuk membendung penyebaran wabak virus Covid-19, sila isi borang 'Pengesahan Kontak' dengan mengimbas kod QR di bawah sebelum anda memasuki premis kami. Hanya dua langkah mudah diperlukan.**



## Langkah 1



**Guna kamera telefon pintar anda untuk mengimbas kod QR di atas**

## Langkah 2



**Isi 'Borang Pengesahan Kontak' dan tekan 'Hantar'**

iOS (Boleh digunakan untuk iOS 11 dan ke atas. Anda juga boleh memuat turun mana-mana pengimbas QR Code di App Store)  
Android (Muat turun aplikasi 'Google Lens' dari Play Store)



**Pemeriksaan suhu akan dilakukan pada setiap pelawat. Sila masukkan bacaan suhu anda di dalam borang.**

**Terima kasih kerana membantu kami menjaga keselamatan dan kesihatan semua orang.**

**#NormaBaharu #PengesahanKontak**



**SILA PAKAI  
TOPENG MUKA  
SEBELUM MASUK**



**Student / Parent / Supplier / Visitor Health Declaration Form**

I am visiting CEFL ..... (Please state which location)

**Personal Details**

Name (as per IC) .....  
IC/Passport number .....  
Contact number .....  
Purpose of visit .....  
For supplier, please indicate your company .....  
For visitor, please fill in your home address .....

**Travel/Contact History**

Have you travelled outside of Malaysia in the past 14 days? .....

Have you been in close contact with family, friends or individuals who have just returned to Malaysia in the past 14 days? .....

Have you attended an event or come in contact with someone who attended an event or went to a location where there was a COVID-19 positive case reported in the past 14 days? .....

Have you been in close contact with a suspected (PUI)/confirmed case for COVID-19 in the past 14 days? .....

**Health Declaration**

I hereby declare my current health condition as follows: (please "✓" in the relevant box)

Symptom	Yes	No	If yes, please provide details
Fever			.....
Cough			.....
Shortness of breath			.....
Runny nose			.....
Headache			.....
Sore throat			.....
Other symptoms:			.....

- 
1. I agree that the above information provided is, to the best of my knowledge, complete and true.
  2. I agree to the collection, use and disclosure of above information by CEFL to the relevant authorities for the purpose of tracking and taking precautionary measure against COVID19.
  3. I agree that if I am unwell, I shall be denied entry to CEFL and seek medical treatment immediately.

Signature : .....

Name : .....

Date : .....

**Scripts to be read in classrooms (not more than 10 seconds):**

To be read alone or in combination (Note: Do not read 'or'):

Attention boys and girls,

- 1) Face masks or face shields are to be worn at all times while in the centre.

OR

- 2) Observe social distancing. Distance yourself (1 metre apart) from others. No crowding or gathering in common spaces.

OR

- 3) If you feel unwell, please inform your teacher.

OR

- 4) No shaking hands, high fives, hugging or any physical contact. You may place your hand on your chest as a sign of respect

OR

- 5) Practise personal hygiene. Wash and/or sanitise your hands regularly. No sharing of stationery, books, food, cutleries, utensils or equipment.

OR

- 6) Avoid getting together in groups as this is not allowed.

OR

- 7) Cover your mouth and nose with a tissue when coughing or sneezing. Avoid touching your eyes, nose and mouth with unwashed hands.


OR

- 8) Upon arriving home, take a shower and wash your clothes immediately.

## **Classroom seating arrangement in compliance with**

**CEFL's Post MCO Hygiene & Safety Guidelines**

### **Downing**




\* 8 tables and chairs

## **Classroom seating arrangement in compliance with**


**CEFL's Post MCO Hygiene & Safety Guidelines**

### **Clare**



\* 6 tables and chairs

## GROUND FLOOR LAYOUT PLAN



## FIRST FLOOR LAYOUT PLAN

